

# **PROSIDING SEMINAR KEBANGSAAN SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL**

**27 ~ 28 MEI 2002**

**HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG**

**Anjuran :**



**Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Pahang**

**Dengan Kerjasama**



**Kerajaan  
Negeri Pahang Darul Makmur**

**JILID 2**



# PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB KOMUNIKASI: SATU KAJIAN DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR SMK AGAMA SABAH

SAINI AG. DAMIT

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

## ABSTRAK

*Kertas Kerja ini disediakan untuk menilai dan meneliti persepsi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Aarab Komunikasi yang diajarkan di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Kelas Aliran Agama seluruh Malaysia dan merupakan mata pelajaran wajib diambil dalam peperiksaan PMR. Responden bagi kajian ini ialah, pelajar-pelajar tingkatan tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sabah, yang terdiri daripada tujuh buah sekolah, iaitu; Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limauan Papar, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Inanam Kota Kinabalu, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kota Kinabalu, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Ranau, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Said Kota Belud, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Sakaran Semporna dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sandakan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi 30 set soalan. Temu bual juga diadakan dengan guru-guru bahasa Arab, di samping itu, penilaian pencapaian murid-murid juga diteliti, untuk mendapatkan maklumat tambahan. Semua data yang diperolehi, dianalisis untuk mendapatkan hasil kajian. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, adalah diharapkan agar pihak-pihak yang berkenaan prihatin terhadap pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi.*

## PENDAHULUAN

Kertas kerja ini cuba menyingkap tentang persepsi pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sabah terhadap pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Ia merupakan kajian untuk mendapatkan maklumat sebenar tentang pandangan mereka terhadap mata pelajaran tersebut. Kajian ini boleh dijadikan asas perbincangan untuk mencari penyelesaian kepada sikap dan masalah yang dihadapi dalam pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi di Sabah.

Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan tentang masalah pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab secara umum di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia. Yang paling utama di antaranya ialah, pertama: Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia, oleh Ishak Mohd Rejab 1984. Kedua: Kajian Pelaksanaan Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Berasrama Penuh, oleh Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia 1993, dan yang ketiga: Pengajian dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah-sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi di Malaysia, oleh Osman Hj. Khalid 1994.

Bahasa Arab adalah bahasa yang amat penting kepada masyarakat Malaysia, khususnya yang beragama Islam. Agama Islam adalah merupakan agama resmi bagi Malaysia. Seseorang yang menganut agama Islam bertanggungjawab memahami ajaran agama yang dianutinya dengan betul. Untuk memahami ajaran Islam, ia memerlukan pengetahuan bahasa Arab. Hakikat ini tidak boleh dipertikaikan, kerana Al-Quran al-Karim yang menjadi sumber utama kepada Islam yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w adalah dalam bahasa Arab (Ishak Mohd. Rejab:1984). Sehubungan dengan itu, Allah s.w.t berfirman:

إنا أنزلناه قرآنا عربيا لعلكم تعقلون

Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab itu sebagai Quran yang dibaca dalam bahasa Arab semoga kamu memahaminya. (Surah Yusuf: 2)



Dan firmanNya lagi:

ولقد ضربنا للناس في هذا القرآن من كل مثل لعلمهم يتذكرون قرآنا عربيا غير ذي عوج  
لعلمهم يتقون

Dan sesungguhnya telah Kami nyatakan kepada manusia dalam Al-Quran bermacam-macam bandingan supaya mereka dapat pelajaran, iaitu Al-Quran dalam bahasa Arab yang betul supaya mereka bertakwa. (Surah al-Zumar:27 & 28)

Di samping Al-Quran, terdapat hadis Rasulullah s.a.w. yang telah dibukukan oleh para ulama pada pertengahan abad kedua hijrah. Tujuan mereka membukukan hadis-hadis itu ialah untuk memberi perkhidmatan kepada bidang perundangan Islam dan untuk memahami Al-Quran, kerana hadis adalah merupakan tafsiran kepada Al-Quran. Sesiapa yang hendak mengkaji Islam dan ingin memahami ajaran dan nilai-nilainya, mestilah merujuk kepada kitab-kitab hadis yang mu'tabar. Kitab-kitab tersebut ditulis dalam bahasa Arab. Bahasa Arab adalah juga merupakan bahasa ilmu pengetahuan dan asas kepada Tamadun Islam. Tanpa menguasai bahasa Arab, manusia tidak akan dapat mengambil faedah daripada hasil kajian dan penemuan-penemuan yang diperolehi oleh ulama-ulama Islam pada masa yang silam, kerana kajian-kajian tersebut sama ada yang berkaitan dengan ilmu perubatan, falsafah dan lain-lainnya adalah dibukukan dalam bahasa Arab (Ishak Mohd. Rejab:1984).

Sejarah membuktikan bahasa Arab digunakan sebagai bahasa resmi di negara-negara seperti Morocco, Algeria, Tunisia, Libia, Republik Arab Mesir, Sudan, Lubnan, Syria, Jordan, Iraq dan beberapa negara di semenanjung Arab. Selain daripada negara-negara di atas, bahasa Arab juga digunakan di Israel, bahagian barat daya Iran, beberapa daerah di Soveiet Union dan daerah di Sahara. Oleh kerana bahasa Arab adalah bahasa Al-Quran, maka ia telah berkembang luas di seluruh dunia Islam (A. FL. Beeston:1970).

Di Malaysia, pada umumnya umat Islam, sama ada secara sedar atau tidak, telah menerima dan menganggap bahasa Arab sebagai bahasa Islam. Ini bermakna bahasa Arab mendapat perhatian sejak Islam mula samapai ke semenanjung Tanah Melayu. Ternyata perhatian awal ini tidak lebih daripada pernyataan sentimental yang didorong oleh ciri-ciri keagamaan. Pada era pertumbuhan sekolah-sekolah pondok, dan seterusnya pembukaan sekolah-sekolah Agama – Arab sehingga awal tujuh puluhan di mana bahasa Arab dijadikan unsur penting dalam kurikulum sekolah-sekolah tersebut. Trend sentimental ini masih berkubu kuat. Orang luar semacam tidak mengetahui apa yang berlaku di dalam institusi Agama – Arab berkenaan. Semantara orang dalam mungkin beranggapan, mereka tidak perlu menjual atau mendedahkan perkara ini kepada masyarakat umum. Jadilah bahasa Arab pada era tersebut sebagai bahasa yang terpenjara, ketepi tidak, ketengah pun tidak. (Muhammadun Amin Hj. Mohd. Hassan:1993).

Umum mengetahui, titik perkembangan Islam dan dakwahnya di Malaysia, mula menyerlah secara separa profesional mulai awal tujuh puluhan. Secara mantiqnya, perkembangan dakwah Islamiah akan mengherit sama pertumbuhan bahasa Arab. Pada ketika itu, umat Islam di Malaysia khususnya golongan intelek yang mendapat pendidikan di timur dan di barat, sudah mula membuat penilaian baru terhadap konsep dan fungsi bahasa Arab. Pendekatan awal yang digunakan ialah menyerapkan beberapa perkataan Arab yang bersifat ilmiah, seperti; siasah, iktisad, dan sebagainya di dalam ucapan dan penulisan. Perkembangan ini pada akhirnya mendorong pihak yang bertanggung jawab di dalam pendidikan melihat kepada bahasa Arab sebagai satu fakulti yang seharusnya ditandakan secara konkret di dalam sistem pendidikan negara. (Muhammadun Amin Hj. Mohd. Hassan:1993)

Kemunculan kurikulum baru sekolah menengah KBSM pada tahun 1988, membawa perubahan baru kepada bahasa Arab. Penamaan Bahasa Arab Komunikasi bermula pada tahun 1991, setelah Kementerian Pendidikan meluluskan satu lagi mata pelajaran iaitu: Bahasa Arab Tinggi. Sungguhpun penekanan perkataan komunikasi atau al-Arabiyah al-Ittisaliyah tidak ditekankan di dalam sukatan pelajaran yang sedia ada, tetapi langkah-langkah awal ke arah perubahan dan perkembangan bahasa Arab telah mula digerakkan oleh Bahagian Pendidikan Islam (sekarang ini dinamakan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral).

Mulai tahun 1980, Kementerian Pendidikan telah mula mengaturkan latihan-latihan khusus kepada guru-guru bahasa Arab di dalam dan di luar negeri. Pada tahun 1984, buat pertama kali Kementerian Pendidikan mendapat kerjasama daripada ISESCO. Pertubuhan ini mula menghantar pakar-pakar bahasa Arab ke Malaysia bagi melatih pegawai-pegawai dan guru-guru dalam dua bidang, pertama: kemahiran bahasa dan kaedah pengajaran pembelajaran, kedua: penulisan buku teks mengikut trend bahasa Arab komunikasi.

Hasil daripada kerjasama di atas, lahirlah guru-guru berpengalaman dalam pengajaran komunikasi dan Kementerian Pendidikan berjaya menerbitkan tiga buah buku teks untuk menengah rendah yang diberi nama “Al-Arabiah” dan mula digunakan pada bulan April 1989 bagi menggantikan “Al-Jadid fi Al-Lughah Al-Arabiah”. Adapun Al-Arabiah untuk tingkatan empat mula digunakan pada bulan September 1989 dan untuk tingkatan lima pada tahun 1990.

Adapun sekarang, buku-buku tersebut tidak dipakai lagi. Kementerian Pendidikan telah menggantikannya dengan buku teks Bahasa Arab Komunikasi (al-Lughah al-Arabiah al-Ittisaliah) dari tingkatan satu hingga tingkatan lima, malah buku teks bahasa Arab komunikasi untuk sekolah rendah juga disediakan. Urusan penulisan buku teks Bahasa Arab Komunikasi dikendalikan oleh Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia. Adapun sukatan pelajaran bahasa Arab komunikasi, disediakan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pendidikan Malaysia (dahulunya dipanggil Bahagian Pendidikan Islam).

Di Sabah khususnya, pelajar-pelajar yang belajar di SMK Agama Sabah ( terdiri daripada tujuh buah sekolah, iaitu: SMKA Limauan Papar, SMKA Kota Kinabalu, SMKA Inanam, SMKA Tun Said Kota Belud, SMKA Ranau, SMKA Sandakan dan SMKA Tun Sakaran Tawau) adalah sama seperti pelajar-pelajar yang belajar di SMKA seluruh Malaysia. Mereka wajib mengambil bahasa Arab dan wajib lulus dalam peperiksaan PMR.

### **Penyataan Masalah**

Dalam kajian ini, penyelidik ingin mengkaji tentang persepsi pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sabah tentang pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi dan masalah-masalah yang mereka hadapi dalam pembelajaran tersebut.

Ada di kalangan pelajar yang tidak berminat mempelajari Bahasa Arab Komunikasi, kerana tidak mempunyai asas bahasa Arab di peringkat sekolah rendah. Malah ada yang menganggap mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi tidak penting dan bukannya penentu dalam kejayaan seorang pelajar. Ini yang akan menjejaskan dan menurunkan peratus keputusan peperiksaan mata pelajaran tersebut.

Kemahiran guru dalam mengajar mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi juga amat penting, dalam menentukan persepsi pelajar dalam mempelajari mata pelajaran tersebut. Kegagalan objektif pengajaran boleh menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat memahami dan tidak boleh mengikuti pembelajaran dengan baik. Akhirnya akan menjadikan pelajar-pelajar tidak minat terhadap pelajaran tersebut.

Di samping itu, objektif dan sukatan pelajaran Bahasa Arab Komunikasi juga perlu diambil kira, kerana kementerian pendidikan telah menetapkan objektif dan sukatan yang sesuai dengan kemampuan pelajar.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Melihat secara lebih dekat mengenai persepsi pelajar tingkatan tiga, SMK Agama Sabah terhadap pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi
2. Meninjau faktor-faktor latar belakan keluarga, kurikulum, iklim sekolah, serta pengajaran guru dapat mempengaruhi minat dan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi.
3. Mengenalpasti sikap pelajar dapat mempengaruhi pencapaian mereka dalam peperiksaan Bahasa Arab Komunikasi.



## Kepentingan Kajian

Pada dasarnya kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau sejauh manakah sikap dan minat pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Adalah diharapkan hasil kajian ini dapat:

1. Membantu guru-guru bahasa Arab dan pihak yang terlibat agar dapat menghasilkan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan.
2. Menjadi panduan kepada guru-guru bahasa Arab ke arah meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran
3. Membantu pihak perancang mengetahui masalah pelajar dalam pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi.
4. Dapat melahirkan pelajar-pelajar yang boleh menguasai bahasa Arab dan mewujudkan lebih ramai pelajar yang celik bahasa Arab.

## Batasan Kajian

Kajian atau penyelidikan ini dijalankan di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sabah, yang terdiri daripada 7 buah sekolah. Sekolah-sekolah tersebut ialah; SMKA Inanam, SMKA Kota Kinabalu, SMKA Limauan, SMKA Tun Said, SMKA Ranau, SMKA Tun Sakaran dan SMKA Sandakan. Kajian ini dikhususkan kepada pelajar-pelajar tingkatan tiga yang akan mengambil peperiksaan PMR, kecuali SMKA Tun Said, disebabkan sekolah baru dibuka, dan pelajar-pelajarnya hanya terdiri daripada tingkatan satu sahaja, maka pelajar-pelajar dipilih di kalangan tingkatan satu. Pemilihan dibuat secara rawak.

Aspek yang menjadi tumpuan kajian ini ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan persepsi pelajar tentang pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi dan masalah-masalah yang dihadapi dalam pembelajaran.

Bagi mendapatkan maklumat mengenai persepsi pelajar SMKA Sabah terhadap pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi, satu set borang kaji selidik telah diedarkan kepada 442 orang pelajar tingkatan tiga SMKA Sabah (termasuk 22 orang pelajar tingkatan 1 SMKA Tun Said, Kota Belud). Mereka dikehendaki menjawab soalan secara bertulis.

Selain daripada sumber-sumber di atas, maklumat lain didapati daripada temubual dengan beberapa orang tenaga pengajar Bahasa Arab Komunikasi dan pegawai kurikulum, Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Sabah. Di samping itu, bahan-bahan bacaan dan kertas-kertas kerja juga dijadikan sumber kajian.

## Metodologi Kajian

Kajian ini dibuat berdasarkan kepada kaedah berikut;

1. Kaedah Pemerhatian. Penyelidik membuat pemerhatian mengenai pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Sejauh mana pelajar-pelajar meminati mata pelajaran tersebut
2. Kaedah Temubual. Kaedah ini digunakan oleh penyelidik dengan menemubual lapan orang guru Bahasa Arab Komunikasi dan dua orang pegawai kurikulum, Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Sabah.
3. Satu set soal selidik. Soal selidik ini terdiri daripada 32 soalan untuk responden yang terdiri daripada kalangan pelajar.

## Populasi dan Sampel Kajian

Populasi dan sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru dan pelajar-pelajar SMK Agama Sabah serta pegawai kurikulum, Sektor Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Sabah. Ini tidak melibatkan guru-guru atau pelajar-pelajar daripada sekolah lain.

Untuk menjalankan kajian ini, sampel diambil hanya lapan orang guru Bahasa Arab Komunikasi, dua orang pegawai Kurikulum, Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Sabah dan 442 orang pelajar tingkatan tiga SMK Agama Sabah (termasuk 22 orang pelajar tingkatan 1, SMK Agama Tun Said, Kota Belud). Pemilihan dibuat secara rawak.

## Alat Kajian

Kajian ini menggunakan satu set soal selidik untuk pelajar. Soal selidik ini mengandungi 32 soalan. Di samping itu, alat kajian ini juga terdiri daripada kertas-kertas kerja dan bahan-bahan maklumat daripada Bahagian Kurikulum, Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Sabah.

## Latar Belakang dan Tempat Kajian

Tumpuan kajian ialah di Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sabah, yang terdiri daripada 7 buah sekolah. Sekolah-sekolah tersebut ialah: Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Limauan Kinarut Papar, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kota Kinabalu, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Inanam Kota Kinabalu, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Ranau, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Sakaran, Tawau, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sandakan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Said, Kota Belud.

Pemilihan sekolah ini, adalah kerana sekolah-sekolah tersebut di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi ditawarkan dari tingkatan satu hingga tingkatan tiga, dan merupakan mata pelajaran wajib diambil oleh semua pelajar dalam peperiksaan PMR. Pelajar-pelajar diwajibkan lulus dalam mata pelajaran tersebut, untuk menentukan gred peperiksaan.

## HASIL KAJIAN

Berdasarkan jawapan responden terhadap soalan-soalan kaji selidik yang diberikan, maka hasil daripada jawapan tersebut ditunjukkan melalui kekerapan dan peratus yang diperolehi.

### Latar Belakang Responden

**Jadual 1** Taburan Responden Mengikut Jantina

Sekolah	Lelaki	%	Perempuan	%
SMK Agama Sabah	212	48	230	52

Jadual 1 menjelaskan jantina responden. Penyelidik memilih secara rawak, iaitu seramai 212 (48%) responden terdiri daripada lelaki, dan 230 (52%) responden terdiri daripada perempuan.

**Jadual 2** Taburan Responden Mengikut Tempat Tinggal

Jumlah Murid	Luar Asrama	%		%
442	427	96.6	15	3.4

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut tempat tinggal. Seramai 427 (96.6%) responden tinggal di asrama, manakala 15 (3.4%) responden tinggal di luar asrama.

### Jadual 3 Taburan Responden Mengikut Pekerjaan Ibu Bapa / Penjaga

Pekerjaan Ibu Bapa/Penjaga	Swasta %		Sendiri %			
442 Responden	213	48.2	84	19	145	32.8

Jadual 3 menjelaskan taburan responden mengikut pekerjaan ibu bapa atau penjaga. Seramai 213 (48.2%) responden ibu bapa atau penjaga mereka bekerja dengan kerajaan, 84 (19%) bekerja dengan swasta, manakala 145 (32.8%) bekerja sendiri.

### Jadual 4 Taburan Responden Mengikut Asal Tempat Tinggal Keluarga

Asal Tempat Tinggal Keluarga	Pinggir Bandar %		Kampung %		Pedalaman %			
442 Responden	74	16.9	78	17.6	266	60.2	24	5.4

Jadual 4 menjelaskan tentang taburan responden mengikut asal tempat tinggal keluarga. Seramai 74 keluarga responden (16.9%) tinggal di bandar, 78 keluarga responden (17.6%) tinggal di pinggir bandar, 266 keluarga responden (60.2%) tinggal di kampung, manakala 24 keluarga responden (5.4%) tinggal di pedalaman.

### Jadual 5 Taburan Responden Mengikut Pernah Belajar di Sekolah Ugama Islam Atau Tidak

Pernah Belajar di SUI	Ya %		Tidak %	
	336	76	106	24

Jadual 5 menjelaskan tentang taburan responden mengikut adakah mereka pernah belajar di Sekolah Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah semasa di sekolah rendah atau tidak pernah. Penyelidik mendapati seramai 336 (76%) responden pernah bersekolah di SUI, manakala seramai 106 (24%) responden tidak pernah bersekolah di SUI.

### Suka dengan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi

Ada di kalangan pelajar yang tidak berminat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Walau bagaimanapun, masih ramai di kalangan mereka yang meminati mata pelajaran tersebut. Hasil kajian mendapati seramai 140 responden (31.7%) sangat bersetuju dengan kenyataan di atas, 204 orang responden (46.1%) bersetuju, 82 orang responden (18.6%) tidak pasti dengan jawapan mereka, manakala 12 orang responden (2.7%) tidak setuju, dan 4 orang responden (0.9%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

### Rasa rugi jika tidak mempelajari Bahasa Arab

Rata-rata pelajar merasakan kepentingan mempelajari Bahasa Arab. Hasil kajian mendapati seramai 240 orang responden (31.7%) sangat bersetuju dengan kenyataan di atas, 204 responden (46.1%) bersetuju sahaja, 27 orang responden (6.1%) tidak pasti dengan jawapan mereka, manakala 10 orang responden tidak setuju, dan 4 orang responden (0.9%) sangat tidak setuju.

### Setiap hari mengulangkaji mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi

Terdapat banyak perbezaan pendapat terhadap kenyataan di atas. Ramai responden yang tidak pasti dengan jawapan mereka. Ini menunjukkan sama ada mereka mengulangkaji mata pelajaran tersebut setiap hari atau tidak. Hasil kajian mendapati seramai 10 orang responden (2.3%) sangat setuju dengan kenyataan di atas, 106 responden (24%) bersetuju sahaja, 223 orang responden (50.4%) tidak pasti dengan jawapan mereka, manakala 88 orang responden (19.9%) tidak setuju dan 15 orang responden (3.4%) sangat tidak setuju.



### **Mempunyai jadual waktu persendirian untuk belajar Bahasa Arab Komunikasi**

Ramai pelajar yang tidak mempunyai jadual waktu persendirian untuk mempelajari Bahasa Arab Komunikasi. Walau bagaimanapun, terdapat juga pelajar yang mempunyai jadual waktu sendiri. Hasil kajian mendapati seramai 42 orang responden (9.5%) sangat bersetuju dengan kenyataan di atas, 125 orang responden (28.3%) bersetuju, 131 orang responden (29.6%) tidak pasti dengan jawapan mereka, manakala 109 orang responden (24.7%) tidak setuju, dan 35 orang responden (7.9%) sangat tidak setuju.

### **Berbual dengan rakan-rakan dalam bahasa Arab.**

Dalam kenyataan di atas, penyelidik mendapati seramai 30 orang responden (6.8%) sangat bersetuju dan 156 orang responden (35.3%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 129 responden (29.2%) tidak pasti dengan pilihan mereka, manakala 86 orang responden (19.4%) tidak setuju, dan 41 responden (9.3%) sangat tidak setuju.

### **Tidak boleh bertutur bahasa Arab dengan betul.**

Masih ramai pelajar yang tidak boleh bertutur bahasa Arab dengan betul. Hasil kajian mendapati seramai 39 responden (8.8%) sangat bersetuju dan 144 responden (32.6%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Seramai 153 responden (34.6%) tidak pasti dengan kedudukan mereka, manakala 74 responden (16.7%) tidak setuju dan 32 responden (7.3%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

### **Selalu membaca buku atau majalah bahasa Arab.**

Rata-rata pelajar tidak bersetuju dengan kenyataan di atas. Hasil kajian mendapati, seramai 3 orang responden (0.7%) sangat bersetuju dan 66 responden (15%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 150 responden (33.9%) tidak pasti dengan jawapan mereka, manakala 150 responden (33.9%) tidak setuju dan 73 responden (16.5%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

### **Suka membuat rujukan dalam bahasa Arab.**

Kajian mendapati, seramai 29 responden (6.5%) sangat bersetuju dan 121 responden (27.4%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 146 responden (33%) tidak pasti dengan pilihan mereka, manakala 105 responden (23.8%) tidak setuju dan 41 responden (9.3%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

### **Selalu menggunakan kamus dalam mencari makna perkataan Arab.**

Rata-rata pelajar menggunakan kamus bagi mencari perkataan Arab yang mereka tidak tahu. Hasil kajian mendapati, seramai 170 responden (38.5%) sangat bersetuju dan 169 responden (38.2%) bersetuju dengan penggunaan kamus dalam mencari perkataan Arab. Terdapat seramai 63 responden (14.3%) tidak pasti dengan jawapan mereka, manakala 31 responden (7%) tidak bersetuju dan 9 responden (2%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

### **Suka menghafal perkataan Arab untuk memperbanyakkan perbendaharaan kata.**

Kaedah menghafal amat diperlukan dalam pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Hasil kajian mendapati, seramai 121 responden (27.4%) sangat bersetuju dan 189 responden (42.8%) bersetuju dengan kaedah menghafalan. Terdapat 84 responden (19%) tidak pasti dengan pilihan jawapan mereka, manakala 32 responden (7.2%) tidak bersetuju dan 16 responden (3.6%) sangat tidak bersetuju dengan kaedah menghafalan.

### **Ibu bapa tidak memaksa belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama.**

Kebanyakan pelajar belajar di Sekolah Kebangsaan Agama tidak dipaksa oleh ibu bapa mereka. Hasil kajian mendapati, seramai 238 responden (54%) sangat bersetuju dan 108 responden (24.4%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 51 responden (11.5%) tidak pasti dengan jawapan mereka, manakala 18 responden (4%) tidak bersetuju dan 27 responden (6.1%) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan di atas. Maknanya, mereka masuk SMKA dalam keadaan terpaksa.

### **Ibu bapa sering mengambil berat tentang pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi.**

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam pencapaian pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Hasil kajian mendapati, seramai 154 responden (34.8%) sangat bersetuju dan 164 responden (37.1%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat seramai 82 responden (18.6%) tidak pasti dengan pilihan jawapan mereka, manakala 30 responden (6.8%) tidak bersetuju dan 12 responden (2.7%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

### **Ibu bapa akan memberikan hadiah apabila saya mendapat keputusan yang baik dalam Bahasa Arab Komunikasi.**

Terdapat banyak perbezaan pandangan pelajar tentang kenyataan di atas. Hasil kajian mendapati, seramai 37 responden (8.4%) sangat bersetuju dan 82 responden (18.5%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 171 responden (38.7%) tidak pasti dengan jawapan mereka, manakala 109 responden tidak setuju dan 43 responden sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

### **Ibu bapa membelikan buku-buku rujukan berkaitan dengan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi.**

Hasil kajian mendapati, seramai 49 responden (11.1%) sangat setuju dan 137 responden (31%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 115 responden (26%) tidak pasti dengan jawapan mereka, manakala 37 responden (8.4%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

### **Ibu bapa sering bertanya tentang masalah yang dihadapi dalam mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi.**

Hasil kajian mendapati, seramai 78 responden (17.6%) sangat bersetuju dan 152 responden (34.4%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 103 responden (23.3%) tidak pasti, manakala 72 responden (16.3%) tidak bersetuju dan 27 responden (8.4%) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan di atas.

### **Saya membaca berulang kali sebelum dapat memahami isi kandungan buku Bahasa Arab Komunikasi.**

Rata-rata pelajar bersetuju dengan kenyataan di atas. Hasil kajian mendapati, seramai 137 responden (31.1%) sangat bersetuju dan 173 responden (39.1%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 81 responden (18.3%) tidak pasti dengan jawapan mereka, manakala 34 responden (7.7%) tidak setuju dan 17 responden (3.8%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

### **Sukatan mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi mudah dan tidak sukar diikuti.**

Hasil kajian mendapati, seramai 64 responden (14.5%) sangat bersetuju dan 152 responden (34.4%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 130 responden tidak pasti dengan pilihan jawapan mereka, manakala 68 responden (15.4%) tidak bersetuju dan 28 responden (6.3%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

**Mata pelajaran Bahasa Aarab Komunikasi yang diajar di sekolah dapat membantu memahami dan membaca Al-Quran.**

Rata-rata pelajar bersetuju dengan kenyataan di atas. Hasil kajian mendapati, seramai 173 responden (39.1%) sangat bersetuju dan 177 responden (40%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 67 responden (15.2%) tidak pasti, manakala 18 responden tidak bersetuju dan 7 responden (1.6%) sangat tidak bersetuju dengan kenyataan di atas.

**Suka belajar hiwar, kerana dapat membantu bertutur dalam bahasa Arab.**

Hasil kajian mendapati, seramai 93 responden (21%) sangat bersetuju dan 173 responden (39.1%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 113 responden (25.6%) tidak pasti, manakala 42 responden (9.5%) tidak bersetuju dan 21 responden (4.8%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

**Kemudahan yang ada di sekolah merangsang untuk belajar bahasa Arab di sekolah.**

Hasil kajian mendapati, seramai 75 responden (17%) sangat bersetuju dan 181 responden (40.9%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 121 responden (27.4%) tidak pasti, manakala 49 responden (11.1%) tidak bersetuju dan 16 responden (3.6%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

**Merasa seronok mengikuti aktiviti-aktiviti Kelab Bahasa Arab di sekolah.**

Hasil kajian mendapati, seramai 55 responden (12.4%) sangat bersetuju dan 139 responden (31.5%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 168 responden (38%) tidak pasti, manakala 48 responden (10.9%) tidak setuju dan 32 responden (7.2%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

**Suka dengan suasana sekolah yang menggalakkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab.**

Suasana sekolah memainkan peranan penting dalam menggalakkan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Arab. Hasil kajian mendapati, seramai 106 responden (24%) sangat setuju dan 168 responden (38%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 105 responden tidak pasti, manakala 44 responden (10%) tidak setuju dan 19 responden (4.3%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

**Saya sering mengikuti pertandingan pidato/hiwar bahasa Arab di sekolah.**

Amat sedikit pelajar mengambil bahagian dalam aktiviti bahasa Arab. Hasil kajian mendapati, 13 responden (2.9%) sangat bersetuju dan 18 responden (4.1%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 89 responden tidak pasti, manakala 174 responden (39.4%) tidak setuju dan 148 responden (33.5%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

**Kaedah pengajaran guru menyeronokkan dan mudah difahami.**

Rata-rata responden mengakui kaedah pengajaran guru menarik. Hasil kajian mendapati, seramai 136 responden (30.8%) sangat bersetuju dan 184 responden (41.6%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 77 responden tidak pasti, manakala 34 responden (7.7%) tidak setuju dan 11 responden (2.5%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

**Suka membuat latihan Bahasa Arab Komunikasi yang diberikan oleh guru.**

Hasil kajian mendapati, seramai 95 responden (21.5%) sangat setuju dan 208 responden setuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 94 responden (21.3%) tidak pasti, manakala 35 responden (7.9%) tidak setuju dan 10 responden (2.3%) sangat tidak setuju.



**Suka dengan kelas Bahasa Arab Komunikasi, kerana guru sentiasa membimbing dan memberi tunjuk ajar tentang apa yang tidak difahami.**

Hasil kajian mendapati, seramai 188 responden (42.6%) sangat bersetuju dan 177 responden (40%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 55 responden (12.4%) tidak pasti dengan jawapan mereka, manakala 15 responden (3.4%) tidak setuju dan 7 responden (1.6%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

**Selalu mengantuk apabila mengikuti kelas mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi, kerana pengajaran guru kurang menarik.**

Kajian mendapati, seramai 28 responden (6.3%) sangat bersetuju dan 59 responden (13.4%) bersetuju bahawa mereka selalu mengantuk ketika mengikuti kelas Bahasa Arab Komunikasi. Terdapat 121 responden (27.4%) tidak pasti dengan jawapan mereka, manakala 130 responden (29.4%) tidak setuju dan 104 responden (23.5%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

**Suka pengajaran Bahasa Arab Komunikasi diajar sepenuhnya dalam bahasa Arab.**

Hasil kajian mendapati, seramai 28 responden (6.3%) sangat setuju dan 78 responden (17.6%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 101 responden (22.9%) tidak pasti, manakala seramai 156 responden (35.3%) tidak setuju dan 79 responden (17.9%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

**Guru kerap memuji apabila saya dapat menjawab dengan betul soalan yang ditanya.**

Hasil kajian mendapati, seramai 57 responden (12.9%) sangat setuju dan 112 responden (25.3%) bersetuju dengan kenyataan di atas. Terdapat 168 responden tidak pasti, manakala 71 responden (16.1%) tidak setuju dan 34 responden (7.7%) sangat tidak setuju dengan kenyataan di atas.

**Kemampuan mendengar dan memahami perbualan dalam bahasa Arab.**

Hasil kajian mendapati, seramai 3 responden (0.7%) amat baik, 81 responden (18.3%) baik sahaja, 264 responden (59.7%) sederhana, manakala 77 responden (17.4%) lemah dan 17 responden (3.9%) sangat lemah.

**Kemampuan bertutur dalam bahasa Arab.**

Hasil kajian mendapati, seramai 2 responden (0.5%) amat baik, 53 responden (12%) baik sahaja, 232 responden (59.7%) sederhana, manakala 127 responden (28.7%) lemah dan 28 responden (6.3%) sangat lemah.

**Kemampuan membaca teks bahasa Arab.**

Hasil kajian mendapati, seramai 15 responden (3.4%) amat baik, 161 responden (36.4%) baik sahaja, 179 responden (40.5%) sederhana, manakala 71 responden lemah dan 16 responden (3.6%) sangat lemah.

**Kemampuan menulis dalam bahasa Arab.**

Hasil kajian mendapati, seramai 43 responden (9.7%) amat baik, 164 responden (37.1%) baik sahaja, 155 responden (35.1%) sederhana, manakala 64 responden (14.5%) lemah dan 16 responden (3.6%) sangat lemah.

## RUMUSAN

Secara amnya, masih ramai pelajar-pelajar meminati mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sabah. Hal ini disebabkan mereka merasakan kepentingan mempelajari bahasa tersebut, di antaranya; dapat memahami dan bertutur dalam bahasa tersebut. Di samping itu dapat membaca bahan-bahan bacaan dalam bahasa Arab. Apa yang lebih penting lagi, dapat membaca dan memahami isi kandungan Al-Quran dengan baik. Pelajar-pelajar yang meminati bahasa Arab, adalah pelajar-pelajar yang mempunyai disiplin yang tinggi, mempunyai jadual waktu pembelajaran sendiri, mengutamakan semua mata pelajaran termasuk Bahasa Arab Komunikasi, berusaha untuk meningkatkan mutu bahasa Arab, dengan berusaha untuk menulis, membaca dan bertutur dalam bahasa tersebut. Mereka sering kali mengambil bahagian dalam aktiviti bahasa Arab di sekolah. Di samping mendapat galakan guru-guru, ibu bapa mereka juga memberikan galakan secara moral dan material dengan membelikan buku-buku atau bahan-bahan berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab.

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat pelajar yang tidak minat mempelajari bahasa Arab. Daripada 442 orang responden yang dikaji, seramai 3.6% menyatakan tidak berminat dengan mata pelajaran tersebut. Jika peratus ini dicampur dengan pelajar-pelajar yang tidak pasti dengan jawapan mereka maka peratusnya ialah 22.1%, kerana pelajar-pelajar yang tidak pasti sama ada minat atau tidak, adalah pelajar-pelajar yang bermasalah dalam bahasa Arab dan sering kali tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan baik serta keputusan peperiksaan mereka adalah rendah dan gagal.

Secara keseluruhannya, pelajar-pelajar yang tidak berminat terhadap mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi adalah pelajar-pelajar yang lemah dalam mata pelajaran tersebut. Melalui pengalaman penyelidikan selama sembilan tahun mengajar mata pelajaran tersebut, penyelidik mendapati, mereka tidak mempunyai asas bahasa Arab, masuk ke Sekolah Kebangsaan Agama secara terpaksa atau atas kehendak ibu bapa mereka. Mereka tidak nampak kepentingan bahasa Arab, malas mengulangkaji pelajaran, merasa beban dengan kehadiran subjek-subjek yang terlalu banyak. Mereka tidak mempunyai jadual waktu persendirian untuk meningkatkan pencapaian bahasa Arab, tidak berusaha untuk berbual dengan rakan-rakan dalam bahasa Arab, malah tidak suka membaca buku atau majalah bahasa Arab. Mereka tidak berusaha mencuba menghafal kalimah-kalimah Arab untuk memperbanyakkan perbendaharaan kata, tidak minat dengan pengajaran guru, tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti bahasa Arab, dan sering kali mengantuk ketika belajar bahasa Arab. Mereka juga amat tidak suka jika pengajaran guru disampaikan dalam bahasa Arab sepenuhnya, kerana mereka tidak dapat mengikuti dan memahami bahasa Arab. Lebih daripada itu, mereka tidak boleh membaca Al-Quran dengan baik, malah tidak dapat menguasai Kaedah Iqra' dengan sempurna.

Harus disedari bahawa, peranan ibu bapa juga amat penting dalam meningkatkan minat dan mutu bahasa Arab di kalangan anak-anak mereka, di samping guru-guru yang mengajar di sekolah. Kebiasaannya pelajar-pelajar yang tidak berminat mempelajari bahasa Arab Komunikasi, adalah pelajar-pelajar yang lemah dan kurang mendapat sokongan daripada ibu bapa, dari segi pembelian bahan-bahan bacaan bahasa Arab khususnya kamus Arab. Temubual yang dijalankan oleh penyelidik dengan beberapa orang guru bahasa Arab Komunikasi di SMK Agama Sabah rata-rata menyatakan, pelajar-pelajar yang tidak berminat dengan bahasa Arab, tidak memiliki kamus bahasa Arab untuk rujukan kalimah-kalimah yang tidak difahami dan digunakan dalam setiap pembelajaran bahasa Arab, walaupun mereka telah diminta oleh pihak sekolah, setiap seorang sebuah kamus. Tetapi sebaliknya, pelajar-pelajar yang berminat dan pandai bahasa Arab, mereka mempunyai kamus bahasa Arab. Ini menunjukkan mereka mengambil berat tentang pembelajaran bahasa Arab dan ibu bapa mereka prihatin tentang keperluan pembelajaran anak-anak mereka supaya mereka cemerlang pada masa akan datang.

Ramai pelajar tidak bersetuju dan tidak berminat dengan menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dalam pengajaran bahasa Arab Komunikasi, kerana mereka tidak dapat memahami dan mengikutinya dengan baik. Walau bagaimanapun, mereka harus ingat konsep komunikasi dan matlamat diperkenalkan Bahasa Arab Komunikasi, iaitu untuk membolehkan mereka bertutur dan berinteraksi antara satu sama lain dengan menggunakan bahasa tersebut, di samping matlamat lain dalam pembelajaran.

Terdapat pelajar tidak minat menghafal kalimah-kalimah Arab yang difikirkan penting dalam membantu mereka menguasai bahasa Arab. Walaupun kaedah menghafal adalah kaedah lama, namun ia masih diperlukan dalam mempelajari bahasa Arab terutamanya pelajar-pelajar yang kurang daya ingatannya dan memerlukan berulang kali pembacaan dan pemahaman.

Kebanyakan mereka juga kurang membuat rujukan dalam bahasa Arab. Hal ini mungkin disebabkan kerana mereka tidak memahami bahasa Arab dan tidak tahu bagaimana membuat rujukan dalam bahasa Arab. Begitu juga yang paling penting ialah, Sekolah-sekolah Kebangsaan Agama di Sabah kurang memiliki buku-buku rujukan bahasa Arab yang sesuai. Kebanyakan buku-buku yang ada di perpustakaan adalah buku-buku bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Ramai pelajar tidak berminat mengambil bahagian atau melibatkan diri dalam pertandingan-pertandingan yang berkaitan dengan bahasa Arab. Perkara ini disebabkan kurangnya dorongan daripada guru-guru mahupun daripada mereka sendiri. Melalui temubual dengan beberapa orang guru bahasa Arab, mereka mengatakan bahawa, pelajar-pelajar yang tidak melibatkan diri dengan sebarang pertandingan yang berkaitan dengan bahasa Arab adalah disebabkan perkara utama ialah kerana mereka tidak boleh berbahasa Arab, dengan erti kata lain, mereka terlalu lemah dan tidak berkebolehan serta tidak ada penampilan diri.

Secara puratanya, pelajar-pelajar SMK Agama Sabah adalah sederhana dan lemah dalam penguasaan mereka terhadap Bahasa Arab Komunikasi, sama ada dari segi pendengaran, pertuturan, pembacaan mahupun penulisan.

## CADANGAN

Berdasarkan dapatan-dapatan yang diperolehi dalam kajian ini, dikemukakan beberapa cadangan dan saranan seperti berikut supaya ianya dijadikan panduan oleh pihak-pihak tertentu, seperti Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Sabah, bahagian pentadbiran sekolah, guru-guru dan ibu bapa. Dengan adanya panduan ini, akan dapat mempertingkatkan lagi minat pelajar-pelajar untuk menguasai bahasa Arab.

1. Pihak Sektor Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Sabah hendaklah memilih pelajar-pelajar yang akan memasuki Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Sabah, mempunyai asas bahasa Arab, sekurang-kurangnya mereka mempunyai sijil Sekolah Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam negeri, di samping mereka cemerlang dalam UPSR.
2. Ibu bapa yang ingin memasukkan anak-anak mereka yang cemerlang dalam UPSR ke SMKA, tetapi tidak mempunyai asas bahasa Arab, malah tidak boleh membaca Al-Quran, adalah dicadangkan supaya anak-anak mereka dimasukkan di sekolah-sekolah aliran Agama, yang juga menawarkan subjek bahasa Arab, supaya pelajar-pelajar ini tidak tertekan dengan situasi yang ada di SMKA, dan supaya tidak menimbulkan perasaan tidak minat terhadap bahasa Arab.
3. Pihak pentadbir sekolah hendaklah menyusun program atau aktiviti yang menarik dan mencabar yang berkaitan dengan Bahasa Arab Komunikasi, agar pelajar-pelajar lebih berminat untuk menyertai program tersebut.
4. Pihak pentadbir sekolah, hendaklah menyediakan bahan-bahan bacaan yang berkaitan dengan Bahasa Arab Komunikasi, seperti buku-buku bacaan, majalah-majalah, akhbar dan buku-buku ringan yang ada kaitan dengan Bahasa Arab Komunikasi. Ini adalah bertujuan untuk memupuk minat membaca di kalangan pelajar-pelajar yang kurang membaca bahan-bahan dalam bahasa Arab.
5. Pihak pentadbir sekolah hendaklah sentiasa mengadakan minggu bahasa Arab, supaya pelajar-pelajar dibiasakan dengan suasana yang sentiasa menggalakkan mereka berkomunikasi dalam bahasa Arab.
6. Guru-guru bahasa Arab perlulah mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka agar lebih menarik dan merangsang pelajar supaya aktif dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab Komunikasi. Di samping itu, guru-guru haruslah mengambil kira keadaan pelajar sama ada mereka berminat dalam mata pelajaran tersebut atau tidak. Guru perlulah mengambil langkah-langkah yang positif bagi mengatasi masalah kurang minat pelajar terhadap pelajaran Bahasa Arab Komunikasi.
7. Pihak ibu bapa hendaklah sentiasa mengambil berat dan memberikan dorongan kepada anak-anak mereka serta menyediakan keperluan-keperluan pembelajaran terhadap mata pelajaran tersebut, supaya anak-anak berminat untuk mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Di samping penguasaan Al-Quran juga amat penting di kalangan pelajar-pelajar, kerana ia dapat membantu mempelajari bahasa Arab dengan mudah.



## PENUTUP

Pengkaji berpendapat bahawa, sikap dan minat yang positif terhadap mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dapat mempengaruhi pencapaian pelajar dalam bahasa Arab, sekiranya mata pelajaran Bahasa Arab Komunikasi dipelajari dengan kaedah yang betul dengan disertai sikap yakin pelajar dan sentiasa menggalakkan diri dengan berkomunikasi menggunakan bahasa Arab, maka sudah tentu pelajar dapat menguasainya dengan baik.

## RUJUKAN

- Abd. Halim El-Muhammady (pngr.). 1994. *Pendidikan Islam peranannya dalam pembangunan ummah*. Kuala Lumpur: Blue-T Sdn. Bhd.
- Abdullah Ishak. 1992. *Islam di Nusantara (khususnya di Tanah Melaka)*. Cetakan kedua. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- °Abd al-Qadir Ahmad. t.th. *Turuq ta'lim al-lughah al-°Arabiyah*. al-Tab°ah al-sadisah. al-Qahirah: Maktabat al-Nahdah al-Misriyyah.
- Beeston, A.F.L. 1970. *The Arabic Language Today*, London: Hutchinson University Library.
- Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia. 1993. Kajian Pelaksanaan Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Berasrama Penuh.
- Ismail Ab. Rahman (pnyt.). 1992. *Pendidikan Islam Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Ab. Rahman, Abdul Aziz @Ahmad Muhd & Mohd. Yasin Muda (pnyt.). 1993. *Isu-isu pendidikan Islam di Malaysia, cabaran dan harapan*. Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Ibn Khaldun, °Abd al-Rahman ibn Muhammad bin Khaldun. 1970. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Tahqiq A.M. Cartarmer (1858) tab°ah Paris. Jil. 3. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Ishak Mohd. Rejab. 1984. Masalah pengajaran dan pemelajaran bahasa Arab diMalaysia. Kertas kerja Seminar Pendidikan Islam Malaysia Ketiga. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. 19-21 Oktober.
- Jawatankuasa Istilah. 1996. *Glosari bahasa dan kesusasteraan Arab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Islam dan Moral. 1995. *Kenalilah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Pendidikan Islam dan Moral. 1995. *Permohonan masuk ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*.
- Madkur, °Ali Ahmad.1991.*Tadris funun al-lughah al-°Arabiyah*. Misr: Dar al-Shiwaf.
- Mohd. Fuad Razali. 1997. Subjek bahasa Arab di sekolah rendah. *Berita Harian (Pendidikan)*. 8 Disember: 1.
- Muhammadun Amin Hj. Mohd. Hassan. Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama: Wawasan dan Cabaran. Kertas Kerja Seminar Pengajaran Bahasa Arab. Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia dan Maktab Perguruan Islam Bangi. 25 – 27 Ogos 1993.
- Ta°imah, Rushdi Ahmad. 1989M / 1410H. *Ta'lim al-°Arabiyah li ghayr al-natiqina biha manahijuh wa asalibuh*. al-Ribat: Manshurat al-munazzamah al-islamiyah lil-tarbiyah wa al-thaqafah wa al-°ulum (ISESCO).